

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 22 NOVEMBER 2021

SOALAN

**DATUK SERI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
menyatakan langkah-langkah yang akan diambil bagi membantu
pekebun-pekebun kecil yang mengusahakan tanaman lada untuk
meningkatkan lagi harga komoditi tersebut**

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian sememangnya sentiasa prihatin dan mengambil cakna terhadap perkembangan dan kebajikan pekebun-kebun kecil lada di negara ini terutamanya ketika menghadapi ketidaktentuan harga.

Untuk makluman, harga komoditi lada secara amnya dipengaruhi oleh senario pasaran dan pergerakan harga lada di peringkat global. Dalam hal ini, kenaikan dan penurunan harga lada di pasaran dunia akan turut memberi kesan yang sama terhadap harga lada tempatan.

Justeru, bagi membantu meringankan bebanan para pekebun kecil lada ketika mengusahakan tanaman dan harga yang tidak menentu, Kementerian melalui Lembaga Lada Malaysia (MPB) sedang menyediakan skim bantuan yang dikenali sebagai Skim Tanaman Baharu Lada dan Skim Tanaman Lada Matang di bawah Program Pembangunan Huluhan Industri Lada 2021. Skim – skim ini yang meliputi pemberian input pertanian seperti baja, *dolomite*, insentif keratan lada dan tiang sokongan melibatkan peruntukan berjumlah RM5 juta pada tahun 2021. Para pekebun kecil lada juga turut diberi bantuan khidmat nasihat mengenai penanaman lada. Sehingga September 2021, skim-skim ini telah berjaya memanfaatkan seramai 2,234 orang pekebun kecil yang melibatkan keluasan 294.25 hektar.

Pada masa yang sama, bagi membantu mewujudkan keadaan pasaran yang menyokong kenaikan dan penstabilan harga lada pula, Kementerian sedang mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan penggunaan dalam negara melalui pembangunan pelbagai produk baharu berasaskan lada seperti *Coarse garlic pepper*, *Green pepper sambal powder*, *White pepper salt* dan *Black pepper salt*.
- (ii) Menghasilkan produk berkualiti di bawah program pengeluaran lada berkualiti premium seperti Lada Putih Krim (LPK) dan Lada

SOALAN NO : 19

Berkualiti Eksport (LBE) yang berharga lebih tinggi berbanding sekiranya mengeluarkan gred lada bahan mentah di peringkat ladang.

- (iii) Meningkatkan eksport melalui penembusan pasaran istimewa dan penjenamaan produk lada tambah nilai dan pasaran lada istimewa di Jepun, Sweden, Korea Selatan, China, Taiwan, Hong Kong, Spain dan lain-lain negara lagi yang mampu membayar harga yang lebih tinggi berbanding harga untuk gred biasa.
- (iv) Menggiatkan aktiviti penjenamaan dan penjualan produk lada tambah nilai MPB melalui anak syarikatnya iaitu Saraspice Sdn. Bhd. bagi tujuan keperluan pasaran tempatan dan luar negeri lebih-lebih lagi pasaran ke Timur Jauh/Asia Timur (*Far East*).
- (v) Memperkukuh kerjasama teknikal dengan negara pengeluar utama melalui *International Pepper Community (IPC)* untuk meneroka pasaran baharu.

Adalah diharapkan, langkah-langkah yang sedang diambil di atas dapat memacu peningkatan dan penstabilan harga lada.

Sekian, terima kasih.